



LOKASI tanah mendap baharu yang dikesan kira-kira 50 meter dari tempat insiden tanah mendap yang membabitkan wanita warga India di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur - Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

SATU LAGI LUBANG BENAM DIKESAN

Tindakan segera diambil DBKL, IWK pastikan keselamatan awam

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur

Satu lagi insiden tanah mendap berlaku berdekatan pondok polis di Jalan Masjid India, di sini, awal pagi semalam.

Kejadian terbabit disedari berlaku pada jam 2.30 pagi.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan semalam berkata,

sebagai langkah keselamatan, kawasan terbabit sudah ditutup menggunakan tali keselamatan dan penghadang air.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, tindakan segera sudah diambil dengan turut mem-babitkan Indah Water Konsortium (IWK).

“IWK kini memeriksa paip kumbahan di lokasi berkenaan serta di kawasan sekitarnya bagi memastikan tiada kerosakan lanjut.

“Kami akan terus bekerjasama erat dengan IWK serta agensi lain untuk memastikan tindakan susulan yang berterusan dan menyeluruh dilaksanakan

bagi mencegah kejadian serupa daripada berlaku pada masa hadapan,” katanya.

Menurutnya, pemantauan dan tindakan susulan akan diambil bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur terjamin.

“DBKL akan terus memantau keadaan ini dan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan keselamatan awam,” katanya.

Jumaat lalu, berlaku ke-

“**DBKL akan terus memantau keadaan ini dan ambil langkah sewajarnya**”
Maimunah



JABATAN Mineral dan Geosains menggunakan *Ground Penetrating Radar (GPR)* untuk menilai integriti tanah.

jadian tanah jerlus di jalan terbabit menyebabkan seorang wanita warga India,

Vijayaletchumy, 48, hilang selepas terjatuh ke lubang sedalam lapan meter.